

Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun

Ratna Roshida Abd. Razak

ratna@usm.my

Nik Haslinda Nik Hussain

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat Melayu. Hal ini menjadi suatu keperluan untuk ditangani dalam konteks negara kita sedang menuju ke era pembangunan dan mencapai status negara maju. Justeru itu, peranan keluarga adalah komponen yang paling asas dalam proses pembentukan masyarakat dan negara keseluruhannya. Artikel ini mencadangkan agar pendidikan dijadikan perkara yang paling asas untuk membangunkan umat dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Tambahan pula, ajaran agama Islam yang terkandung dalam kitab al-Qur'an dan hadith begitu banyak memuatkan tentang peranan ibu bapa, kepentingan pendidikan dan pembangunan ummah.

Pendahuluan

Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Di dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun dalam memastikan kejayaan institusi ini, kedua-dua belah pihak iaitu ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting. Sebagai suami peranan asas ialah menyediakan keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Bukan itu sahaja, sebagai seorang ayah, beliau juga bertanggungjawab untuk memberi pendidikan akademik yang penting untuk perkembangan minda dan pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani dan fizikal. Bagi ibu pula tanggungjawab utamanya ialah memastikan kelancaran dalam sistem rumah tangga yang disulami perasaan kasih sayang dan hormat menghormati. Mungkin perkara ini bagi setiap individu yang bergelar ibu dan bapa sudah terlalu arif dan tidak perlu untuk dibahaskan lagi.

Malangnya kehidupan manusia pada hari ini semakin jauh daripada nilai-nilai moral yang terkandung dalam al-Quran. Fenomena ini berbeza jika dibandingkan dengan kehidupan para sahabat iaitu generasi pertama didikan Rasulullah. Nilai-nilai moral yang ada hari ini agak berubah dan menyimpang. Saban hari bilangan anak-anak Melayu yang terlibat dalam perkara-perkara yang tidak diingini semakin meningkat. Peratusan anak Melayu yang terlibat dalam gejala negatif amat membimbangkan kita. Ini kerana anak-anak hari ini merupakan bakal pemimpin masa depan.

Permasalahan sosial

Permasalahan sosial kini menjadi suatu isu yang serius dalam negara. Satu kenyataan telah dikeluarkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat tentang jumlah anak-anak Melayu yang paling banyak berada di pusat pemulihan akhlak (Utusan Malaysia, 21 April 2004). Sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam, apakah perasaan kita bila mengetahui kedudukan seperti ini. Apakah Islam yang kita faham sebagai agama penyelamat dan bersifat holistik (menyeluruh) yang merupakan panduan hidup kita telah menghalakan kehidupan anak-anak kita ke arah tersebut. Ataupun kita sebagai ibu dan bapa yang telah mengalami kemerosotan integriti dalam sebuah institusi sosial yang paling penting iaitu keluarga? Dengan perkataan mudah, adakah kita sebagai ibu dan bapa telah tidak melaksanakan tanggungjawab keibubapaan dengan sebaik yang mungkin?

Dalam menangani kemelut anak-anak Melayu terutama dalam isu-isu moral, perhatian awal dan dikira paling penting untuk diberi perhatian sewajarnya ialah institusi keluarga. Sebagai bangsa Melayu yang sering disinonimkan dengan Islam, kita harus sentiasa ingat bahawa tonggak atau kekuatan bangsa Melayu terletak pada agama Islam itu sendiri. Risalah Islam yang didatangkan melalui perutusan Rasulullah s.a.w merupakan satu garis panduan lengkap untuk menjalani sebuah kehidupan. Pada masa yang sama, ia membina sebuah kemajuan yang dapat membawa kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Islam merupakan satu risalah yang bertujuan untuk membentuk manusia yang kuat, seimbang dan sempurna keperibadiannya untuk menjalani kehidupan di dunia dan tidak melupai akhirat, mengumpulkan harta dan tidak melupakan hari perhitungan, mengambil hak dan tidak melupakan kewajipan. Walau bagaimanapun apa yang berlaku pada hari ini tidak seperti yang sepatutnya. Mungkinkah ini terjadi kerana kekaburan tentang bagaimana memahami Islam sebagai satu cara hidup yang menjamin keselamatan hidup manusia dan pada masa yang sama dapat menghasilkan sebuah kemajuan di dunia dan juga akhirat?

Matlamat dalam kehidupan

Kemajuan mungkin boleh ditafsirkan menurut tujuan tertentu yang hendak dicapai oleh manusia. Selagi pergerakan itu ke arah hadapan dan bukan ke belakang, semakin dekatlah dengan tujuan kemajuan. Begitu juga dengan berhenti yang memberi peluang kepada orang lain untuk mendahului kita sedangkan kita masih berada di tempat yang sama. Secara dasarnya setiap manusia itu hidup dan bergerak serta gerakan itulah yang menjadi tanda bagi satu kehidupan. Dari sini pula timbul satu persoalan apakah matlamat atau objektif yang manusia perlu dicapai dalam kehidupan mereka agar menepati kemajuan yang disasarkan.

Islam dengan jelas menjadikan hidup manusia di atas muka bumi ini dengan tujuan yang asasi iaitu yang pertama untuk beribadah kepada Allah. Dalam konteks kekeluargaan, sama ada ibu atau bapa harus memahami akan tujuan asalnya iaitu untuk melakukan ibadah kepada Allah sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Zariyat: 56; "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembahKu". Secara ringkas, apa yang dimaksudkan dengan beribdat kepada Allah mengikut Ibnu Taimiyyah, mencakupi setiap perkara yang dicintai dan diredhai Allah sama ada dalam bentuk ucapan atau perbuatan (Yusuf, 1999:223). Tujuan yang kedua ialah untuk menjadi Khalifah Allah bagi tujuan mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. Selain berperanan sebagai hamba Allah, pada masa yang sama juga manusia merupakan khalifah dan pentadbir di muka bumi ini. Tugas ini hanya dikhususkan kepada Nabi Adam dan zuriatnya.

Tugas sebagai pentadbir ini pernah diminta oleh malaikat tetapi Allah yang lebih mengetahui segalanya menyerahkannya kepada manusia sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Baqarah: 30-33; "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka bertanya kepada Allah "Adakah Engkau (Allah) hendak menjadikan di bumi iu orang yang akan membuat kerosakan dan

menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak ketahui”. Dan Dia telah mengajar Nabi Adam nama-nama (semua benda) kemudian Dia tunjukkan kepada malaikat lalu Dia berfirman: “Sebutkanlah kepadaKu nama-nama benda ini semuanya, jika kamu orang-orang yang benar!” Malaikat menjawab maha suci Engkau (Ya Allah) Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau jualah yang maha mengetahui, lagi maha bijaksana”. Allah berfirman: Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka”. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman “Bukankah aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia di langit dan bumi, dan aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?”

Dari maksud ayat di atas, dapatlah difahami bahawa Allah telah memberi kepandaian dan pengetahuan kepada Adam dan tidak diberikan kepada malaikat. Dengan kelebihan yang berupa kepandaian dan pengetahuan ini, manusia mendapat tugas sebagai khalifah. Apakah yang dimaksudkan dengan khalifah Allah di muka bumi ini? Ia bermaksud agar manusia melaksanakan perintahnya dan menegakkan kebenaran dan keadilan, sebagaimana firman Allah kepada Nabi Daud bermaksud “Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan benar dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah” (Surah Shad: 26).

Setiap orang adalah pemimpin dalam lingkungan tertentu. Dalam institusi rumah tangga, suami atau bapa merupakan pemimpin tertinggi yang diberi tanggungjawab oleh Allah untuk mentadbirkannya di samping menegakkan kebenaran dan keadilan dalam batas kekuasaannya. Apa yang dimaksudkan dengan kebenaran ialah apa jua perintah Allah terhadap memastikan pengurusan rumah tangga berjalan di atas landasanNya. Justeru sebagai khalifah Allah seorang bapa dan ibu seharusnya bekerja keras dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan diri dengan menyerapkan kesempurnaan sifat-sifat *ilahiah rabbaniyah* yang tinggi dan menjadikan sifat-sifat terpuji itu sebagai pertunjuk yang harus diserap dan diikuti. Dengan kata lain tugas hakiki sebagai pentadbir rumah tangga ialah memakmurkan institusi atau dalam konteks yang lebih luas ialah memakmurkan bumi. Firman Allah yang bermaksud “Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya” (Surah Hud: 61).

Tugas memakmurkan bumi ini secara jelas disebutkan supaya tidak timbul anggapan di kalangan manusia bahawa agama hanya memberi perhatian kepada aspek akhirat semata-mata. Sebagai pemimpin rumah tangga, ibu dan bapa perlu menggunakan kesempatan yang diberikan Allah untuk hidup di muka bumi ini dengan menjalankan tugas keibubapaan dengan sebaik yang mungkin. Di dalam menyempurnakan tanggungjawab tersebut, mereka tentunya akan menghadapi pelbagai cabaran, ujian dan rintangan yang didatangkan di dalam berbagai bentuk Untuk menghadapi segala cubaan dan ujian inilah sebagai hamba Allah, kita dikehendaki menuntut dan menguasai ilmu pengetahuan.

Lebih jelas dari itu, Allah menjadikan tujuan penciptaan bumi dan perhiasannya, penciptaan kematian dan kehidupan bagi alam seluruhnya adalah untuk menguji manusia siapa di antara mereka yang paling baik amalannya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Kahfi, ayat 7 yang bermaksud “Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak menguji mereka siapakah yang lebih baik amalannya”. FirmanNya lagi yang bermaksud “Yang menjadikan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya” (Surah al-Mulk: 2).

Dari dua ayat di atas, dapatlah difahamkan bahawa cubaan dalam kedudukan ini bukanlah bermatlamat menonjolkan siapa yang baik amalannya berbanding dengan yang jahat amalannya, bahkan matlamatnya ialah menonjolkan siapa yang melakukan amal yang lebih baik daripada orang lainnya, lebih ideal dan lebih mantap, satu persaingan yang berkisar pada yang lebih baik bukan pada sekadar yang baik. Justeru, dalam dunia hari ini yang terlalu mencabar, kewibawaan diri sebagai muslim perlulah menggunakan kesempatan yang dianugerahkan Allah dengan sebaik mungkin untuk menjadi seorang ibu atau bapa yang berjaya.

Kedua-dua tujuan pokok penciptaan manusia ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Ibadah kepada Allah adalah sebahagian dari tugas khalifah dan memakmurkan bumi adalah sebahagian dari ibadah kepada Allah. Justeru itu, mukmin yang berjaya dalam konteks kekeluargaan ini ialah seorang bapa atau ibu yang dapat mengumpulkan kedua-dua tanggungjawabnya secara seimbang dan sempurna. Pencapaian seorang mukmin dari tujuan pokok kehidupannya di dunia ini, maka sebanyak itulah kemajuan dalam sesebuah keluarga yang dapat diperolehinya. Sebaliknya sebanyak mana kegagalannya dalam memimpin rumah tangganya, maka sebanyak itulah kemunduran yang dialaminya.

Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa yang maju adalah bangsa yang berilmu. Kemajuan tidak mungkin akan dicapai tanpa pencapaian ilmu yang tinggi. Untuk tujuan ini ibu bapa perlu memastikan bahawa perasaan cinta terhadap ilmu ini perlu dipupuk seawal mungkin. Bermula dari rumah tangga, ibu bapa perlu menyediakan suasana yang kondusif yang boleh menggalakkan minat anak-anak kepada pertumbuhan ilmu. Dalam hal ini ilmu tanpa nilai moral boleh menyebabkan manusia akan hilang pertimbangan kemanusiaan. Richard Livingston, Naib Canselor Universiti Oxford dalam bukunya berjudul "Al-Tarbiyah li 'Alam Haier" (Education for Confusing World):

Sekiranya kita mencari ungkapan kata-kata indah untuk melukiskan abad ini, tentu akan terlintas dalam pemikiran kita berbagai ungkapan. Mungkin kita menyebutnya sebagai zaman ilmu pengetahuan (sains) atau abad revolusi sosial atau abad tanpa nilai akhlak. Tetapi ungkapan-ungkapan ini tidak akan dapat menjelaskan hakikat abad ini secara sepenuhnya ataupun menyifatkannya dengan adil. Barangkali ungkapan terakhir lebih sesuai daripada yang lain dalam beberapa sudut untuk diletakkan di tempat perkiraan (Yusuf, 1999:36).

Generasi hari ini perlu diberi pendedahan tentang kepentingan sejarah terhadap masa depan mereka. Apa yang dimaksudkan dengan sejarah di sini bukanlah sekadar mengingati tarikh bila sesuatu peristiwa itu berlaku tetapi yang penting ialah mempelajari kesilapan yang telah dilakukan agar kesilapan itu tidak diulangi. Sejarah juga telah membuktikan bahawa walau semaju mana sesebuah tamadun itu, kegagalan untuk belajar dari sejarah boleh meruntuhkan ketamadunan yang telah dicapai. Justeru institusi keluarga hari ini yang mewariskan generasi muda perlu sentiasa diberi peringatan agar mereka tidak leka dengan kesenangan yang telah dicapai. Sebaliknya mereka hendaklah sentiasa meningkatkan keupayaan diri sebagai persediaan menghadapi cabaran hidup yang bakal ditempuhi. Sesungguhnya penggunaan undang-undang semata-mata tidak mampu membendung gejala negatif. Hal ini disebabkan secara lumrah manusia yang melanggar undang-undang beranggapan mereka boleh mengelakkan dari ditangkap oleh pihak berkuasa.

Ibu bapa pendidik utama anak-anak

Kedudukan tinggi yang telah Islam berikan kepada golongan wanita tidak akan bererti apa-apa sekiranya kewajipan-kewajipan yang tertentu terhadap rumah tangga dan anggota masyarakat tidak ditunaikan. Kedudukan dan kemuliaan wanita inilah menjadi faktor asas dalam melahirkan keluarga yang bahagia. Keluarga bahagia ialah keluarga yang ahlinya sihat, hidup dalam suasana gembira, bersikap saling hormat menghormati serta terpelihara dari segala perkara negatif dalam aspek kehidupan. Pembentukan keluarga yang bahagia sebenarnya memerlukan penyertaan dan kerjasama semua ahli rumah. Bagaimanapun peranan wanita yang bertindak sebagai isteri dan ibu adalah paling penting. Tanpa mereka, perkembangan insan akan terhenti, keindahan hidup tidak akan dirasai, segala-galanya akan menjadi pincang.

Wanita hari ini sentiasa diberi peluang yang sama dengan golongan lelaki terutama dalam bidang pendidikan. Wanita hari ini semakin cerdas dan pintar. Apabila mereka semakin pandai, maka cita-cita mereka semakin tinggi dan pastinya banyak cabaran yang terpaksa dihadapi. Semuanya itu hanya dapat dicukupi oleh suami yang mampu, cerdas dan bercita-cita tinggi. Hasilnya pemeliharaan dan pendidikan anak-anak akan lebih sempurna. Oleh yang demikian, dalam dunia hari ini, bagi lelaki yang belum sanggup memelihara isteri tidak sepatutnya berkahwin. Apa yang dimaksudkan dengan memelihara di sini ialah bukan sekadar memelihara jasmani, tetapi memelihara hati dan jiwa wanita tersebut. Ini kerana hanya wanita yang terpelihara zahir dan batinnya sahaja yang dapat mendidik anak-anaknya dengan baik dan sempurna.

Bagi setiap ibu, memelihara dan mendidik anak dengan sebaik-baiknya adalah kebaktian yang besar terhadap agama, nusa dan bangsa. Sebaliknya mensia-siakan pendidikan dan pemeliharaan anak, bererti mereka telah merosakkan negara. Ini kerana kerosakan batin manusia itulah yang menjadi pokok pangkal kerosakan negara.

Allah telah menciptakan umat manusia dengan dua unsur yang memiliki dua kecenderungan berbeza iaitu kecenderungan untuk melakukan kejahatan (nafsu) dan kecenderungan melakukan kebaikan (roh). Di samping itu, Allah juga telah menyediakan akal sebagai penilai yang menilai kehendak dan keperluan berdasarkan kepada ajaran agama bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Berdasarkan kepada unsur penciptaan manusia inilah, manusia sentiasa berada dalam konflik kejiwaan dalam pelbagai bentuk kecelaruan mental, emosi, tingkah laku, personaliti dan akhirnya dinyatakan dalam berbagai gejala sosial yang menakutkan kecuali kepada mereka yang memiliki jiwa yang sihat dan mampu memberikan ketenangan kepada individu di sekelilingnya. Firman Allah yang bermaksud "Dan aku tidak membebaskan diriku dari kesalahan kerana jiwa itu cenderung kepada kejahatan kecuali bila Tuhanku memberi rahmat. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" (Surah Yusuf: 53).

Ayat tersebut menjelaskan kepada kita tentang kewujudan konflik dalam diri manusia, satu pertembungan antara tuntutan dan kehendak mereka dengan nilai-nilai dari ajaran agama dan norma-norma sosial. Ini berdasarkan kepada hakikat penciptaan mereka dan kehidupan mereka di alam maya ini yang bersifat sementara dan penuh dengan cubaan dan dugaan. Justeru, ibu dan bapa seharusnya memahami hakikat ini agar strategi dapat diatur bagi memastikan bahawa anak-anak memiliki kesihatan jasmani. Malahan yang lebih penting iaitu mereka mempunyai kesihatan jiwa yang akan dizahirkan dalam perbuatan yang mencakupi perkataan (tutur kata) dan pemikiran.

Sifat asasi sebagai pendidik

Sebagai asasnya, ibu bapa sebagai pendidik perlulah menggembelng sepenuh tenaganya dan cuba sentiasa memfokuskan perhatian terhadap melaksanakan segala perintah yang diturunkan Allah. Keyakinan beragama perlulah dipupuk sehingga menjadi darah daging dalam kehidupan. Sudah pasti anak akan membesar di atas dasar iman dan taqwa dan akan bertapak padanya akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Perlulah diingatkan bahawa sebagai ibu atau bapa kita terlebih dahulu perlu memiliki akhlak yang mulia. Dengan akhlak yang dapat dicontohi, ibu bapa menjadi teladan kepada anak-anak. Namun sekiranya ibu bapa sendiri yang ketandusan akhlak mulia seperti pengasih, penyayang, bersopan santun, berbudi pekerti mulia bagaimana untuk mereka 'mengeksport' kemuliaan itu kepada orang lain khususnya kepada anak-anak.

Keadaan ini dengan jelas dapat dilihat dalam tamadun Barat yang telah berjaya memakmurkan bumi dan memanfaatkan sumber yang dimilikinya. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Barat misalnya telah berjaya mewujudkan sesuatu yang belum pernah terlintas dalam benak generasi sebelumnya. Segala yang bersifat material diagungkan, manakala yang bersifat spiritual dipandang remeh. Kemajuan yang dicapai hanya diukur dengan jumlah banyaknya kuantiti produk dan kualiti perkhidmatan yang dihasilkan. Keperluan untuk memenuhi tuntutan nafsu dilakukan, walaupun terpaksa mengorbankan nilai dan akhlak. Kesannya kemajuan atau tamadun yang dibina ini, rohnyanya kosong meskipun jasadnya besar, dan cahayanya padam meskipun bara apinya tetap ada. Akibatnya mereka menjadi sombong dan berbangga diri. Kesombongan inilah yang membuatkan mereka beranggapan bahawa ia berkuasa di atas segalanya di dunia ini.

Tamadun yang telah dibina oleh manusia sepatutnya mengambilkira fitrah yang Allah anugerahkan ke dalam diri setiap manusia.. Firman Allah dalam Surat Yunus, ayat 24 bermaksud: "Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang kami turunkan dari langit, lalu tumbuhlah tanam-tanaman dengan subur di bumi yang dimakan oleh manusia dan binatang, dengan sebab air itu; hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias dengan bunga-bunga yang berwarna warni dan penduduknya menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman dan menguasainya (mengambil hasilnya) datangnya perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari, lalu Kami jadikan dia hancur lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelumnya itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir."

Dalam pembentukan tamadun, golongan wanita seharusnya memahami tugas dan peranan utama membentuk dan mendidik jiwa agar manusia mampu menghasilkan kemakmuran di muka bumi ini. Kebahagiaan hidup hanya dapat dinikmati apabila manusia berjaya memenuhi keperluan yang tertentu seperti keperluan fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani. Dalam kehidupan berkeluarga, isteri yang baik, iaitu yang tahu dan melaksanakan tugas dan peranannya yang baik adalah merupakan unsur penting kearah mencapai kebahagiaan hidup. Sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban: "Empat perkara yang membawa kebahagiaan ialah isteri yang baik, rumah yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa." Sabdanya lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Dailami: "Empat perkara yang membahagiakan seseorang ialah isteri yang solehah, anak-anak yang terdidik, sahabat yang baik dan rezeki yang ada di negeri sendiri".

Dengan menyedari hal ini, kaum wanita seharusnya tidak akan mensia-siakan kedudukan tinggi yang telah dianugerahkan Allah kepadanya. Wanita yang memiliki budi pekerti yang

luhur dan berilmu mampu melaksanakan tugasnya sebagai khalifah di muka bumi, pembina peribadi mulia dan agen ketenangan dan kebahagiaan. Mereka jangan terlalu ghairah terhadap kerjaya atau pekerjaan sehingga mengabaikan kebajikan sosial keluarga kerana itu bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam ajaran Islam, semua kerja yang dilakukan demi keperluan umat termasuk di dalam makna perjuangan *fisabilillah*. Namun apa yang menimbulkan masalah ialah sikap sesetengah wanita yang bekerja untuk bebas lepas daripada nilai-nilai rohani, atau bersikap ingin maju setanding dengan lelaki dalam segenap segi (Zaleha, 2005).

Pengaruh ibu dalam mendidik anak-anak lebih besar berbanding dengan peranan guru di sekolah. Sebagai contoh kita lihat kejayaan Thomas Edison. Pada suatu hari, Edison disuruh pulang dengan sehelai kertas yang tercatat "too stupid to be taught". Bagaimana perasaan seorang ibu apabila melihat anaknya dilabelkan sedemikian rupa oleh gurunya. Cinta dan kasih seorang ibu kepada anak semakin mendalam dan dengan hati yang suci murni, ibu berusaha mengajar anaknya itu. Akhirnya Thomas Edison telah mencipta nama sebagai seorang pencipta mentol. Napoleon Bonaparte pernah menyebut bahawa pendidikan ibu yang bijaksana merupakan jambatan emas yang akan dilalui oleh anak dalam menuju pantai bahagia.

Kaedah pendidikan anak-anak

Persoalan yang timbul apakah pula cara yang terbaik untuk memakmurkan sesebuah rumah tangga. Terdapat banyak kaedah atau cara pelaksanaan sistem pendidikan di sebuah institusi keluarga. Namun kaedah pendidikan dengan menunjukkan contoh dan tauladan, dan pendidikan yang menekankan aspek kerohanian dan kesedaran tentang kedudukan bangsa Melayu adalah dikira asas yang paling penting (Abdullah, 1997:140).

Kepimpinan melalui teladan

Ibu dan bapa sebagai pengemudi bahtera rumah tangga haruslah sentiasa mengekalkan kemesraan tali percintaan mereka. Cinta yang dipupuk ini bukanlah cinta berdasarkan hawa nafsu tetapi cinta murni dan sejati yang tidak akan dapat diputuskan oleh pedang yang tajam dan tidak terlerai oleh gunung yang tinggi dan jurang yang dalam. Mereka perlu sentiasa ingat bahawa tugas mendidik anak-anak adalah perkara yang amat sukar. Namun sebenarnya akan berjaya dilaksanakan dengan kekuatan cinta dan tidak menyimpang dari garis kebenaran yang telah ditetapkan oleh Islam. Perlu diingatkan bahawa watak dan peribadi anak-anak di masa hadapan banyak bergantung kepada darah keturunan dan pendidikan yang diterimanya hari ini.

Pasangan suami isteri perlu ingat bahawa perceraian antara mereka merupakan racun yang sangat berbisa bagi jiwa anak-anak. Pendidikan yang tergelincir dari garis kebenaran, bahaya, kecelakaan dan kekacauan tidak akan dapat dibaiki dalam tempoh yang pendek.

Menekankan pendidikan yang bersifat kejiwaan menerusi nasihat dan bimbingan

Pendidikan sebenarnya dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pendidikan jasmani, pendidikan minda dan pendidikan jiwa. Mungkin pendidikan jasmani dan minda boleh diserahkan kepada guru yang telah dipertanggungjawabkan untuk tujuan tersebut. Namun begitu, pendidikan jiwa yang merupakan pendidikan utama dan penting, hanya dapat dilakukan oleh ibu yang merupakan insan yang paling dekat dengan anak-anak. Pendidikan jiwa inilah yang akan menghasilkan akhlak yang tinggi dan satu kehidupan yang indah. Islam

sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna telah mengingatkan umat manusia supaya sentiasa mengimbangi keperluan di antara rohani dengan jasmani.

Dalam Islam, nilai-nilai kerohanian ini akan memandu dan membimbing manusia dalam segala aktiviti dan tindakannya. Nilai-nilai moral ini menjadi garis panduan yang membataskan tindakan hawa nafsu manusia. Manusia tidak perlu mengikut hawa nafsu untuk menentukan arah tindakannya.

Pendidikan jasmani dan minda yang tidak berdasarkan pendidikan jiwa yang luhur akan menghasilkan sebuah bangsa yang maju tetapi mundur daripada segi roh atau nilai-nilai spiritualnya. Sebagai contoh, kita lihat kejayaan masyarakat Barat. Mereka menolak sama sekali agama dan menganggapnya sebagai penghalang kemajuan intelektual manusia. Mereka menolak aspek spiritual atas nama sains. Mereka berpendapat bahawa aspek spiritual tidak dapat dikaji dan dinilai secara saintifik dan pengamatan yang objektif tidak dapat dilakukan bagi mengesahkan kewujudannya. Mereka hanya memberi tumpuan terhadap aspek seperti biologi, demografi, sosial, persekitaran dan budaya apabila membicarakan tentang tingkah laku kanak-kanak. Mereka mengabaikan langsung aspek kerohanian dan sosial yang sebenarnya memainkan peranan penting dalam pembentukan jiwa manusia. Faktor jiwa inilah yang memberi kesan terhadap akhlak atau tingkah laku seseorang individu. Perlu diingatkan bahawa akhlak merupakan pokok kesucian batin yang dapat menghasilkan budi pekerti yang halus, sopan santun, sifat setia, pengasih dan penyayang, pemurah dan suka melakukan berbagai jenis pekerjaan yang mulia.

Dalam konteks pendidikan anak-anak, memang tepat dikatakan bahawa ibu adalah sekolah yang pertama bagi anak-anak. Ibu yang merupakan pendidik rohani atau jiwa yang utama. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud “bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah, kedua ibu bapanya yang menjadikannya sama ada Yahudi atau Nasrani atau Majusi” (hadith riwayat Imam Muslim).

Rumusan utama ialah agama memainkan peranan penting dan menghasilkan kesan yang mendalam terhadap pembentukan peribadi anak-anak. Salah satu kepentingan agama ialah sebagai santapan rohani. Manusia terdiri daripada jasad atau fizikal dan rohani. Setiap bahagian ini memerlukan makanan yang tersendiri. Fizikal manusia yang dijadikan dari tanah mendapat makanan yang juga berasal dari tanah seperti buah-buahan, biji-bijian sayur-sayuran dan sebagainya. Manakala rohani manusia memerlukan makanan yang dikhususkan kepadanya iaitu agama. Lantaran itu, setiap manusia dilahirkan fitrah untuk beragama. Bahagian rohani ini akan menderita kesakitan sekiranya ia diabaikan dan tidak diberi makanan. Kesakitan rohani inilah yang akan mengakibatkan berlaku kezaliman, tindakan melampau batasan atau perbuatan yang terkeluar dari norma-norma sosial.

Pendidikan anak-anak di rumah menjadi dasar utama pendidikan sebelum memasuki alam persekolahan. Sekiranya pendidikan dasar ini tidak kukuh, pendidikan di sekolah pun akan kurang manfaatnya. Untuk menjadi pendidikan jiwa yang berjaya, ibu dan bapa seharusnya memiliki ilmu pengetahuan bagi memastikan anak-anak mereka sentiasa berjaya dan maju ke hadapan. Dalam usaha memupuk kesedaran pendidikan ini, ibu bapa juga perlu terlebih dahulu mengkaji dan melihat semula suasana pembelajaran yang telah disediakan kepada anak-anak di rumah. Mendidik jiwa ini bererti menanam akhlak atau pokok kesucian batin ke dalam hati anak-anak. Proses pendidikan jiwa ini juga memerlukan masa yang panjang dan berterusan. Hasil yang diinginkan juga tidak dapat dilihat dalam tempoh masa yang singkat.

Secara dasar, proses pendidikan jiwa bermula seawal anak-anak dalam kandungan ibu lagi. Dalam tempoh ini, ibu perlu memelihara kesucian diri secara zahir dan batin seperti

menghindarkan perasaan marah, benci, kesal, takut dan perkara-perkara negatif (mazmumah) yang lain. Ibu perlu biasa membaca ayat suci al-Qur'an, menjaga pemakanan, muzik yang menenangkan, memerhati keindahan alam semulajadi. Ibu juga perlu menajamkan minda anak yang berada dalam kandungan itu dengan memperbanyakkan aktiviti berfikir tentang berbagai-bagai ilmu pengetahuan.

Suami isteri yang hidup rukun dan damai, saling menyenangkan dan menggembirakan dengan perasaan tulus dan ikhlas akan menikmati kebahagiaan hidup yang sebenarnya. Mereka perlu saling memahami. Hasilnya berbahagialah anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang sedemikian. Perasaan inilah yang akan menyuburkan sifat-sifat mulia dalam jiwa anak-anak.

Memupuk kesedaran yang berterusan bahawa pendidikan adalah alat penebus martabat bangsa

Ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk tamadun kekeluargaan. Kerukunan sesebuah institusi rumah tangga ini akan membentuk tamadun bangsa bagi sesebuah negara. Untuk tujuan tersebut ibu bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak bahawa hanya dengan pendidikan, kedudukan sesebuah bangsa dapat dimartabatkan. Anak-anak mempunyai peranan yang amat penting dalam meneruskan perjuangan iaitu perjuangan membina tamadun bangsa. Bermula dari peringkat awal lagi, anak-anak perlu diberi pendedahan untuk mempertingkatkan daya dan upaya dalam pendidikan agar prestasi mereka setanding dengan rakan-rakan mereka yang lain. Persediaan ini juga penting agar mereka lebih bersedia dalam menghadapi arus globalisasi dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pembelajaran. Akhirnya yang paling penting, ialah penglibatan mereka secara langsung dalam pembangunan keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Kesimpulan

Pendidikan yang berkualiti daripada ibu bapa sangat diperlukan dalam cabaran dunia globalisasi masa kini. Hal ini amat penting terutamanya dalam menyediakan bekalan ilmu untuk mengharungi kehidupan pada masa depan. Kegagalan ibu bapa untuk berperanan sebagai pendidik akan mengundang pelbagai gejala sosial yang boleh memudaratkan masyarakat dan negara. Sebagai ibu bapa Muslim, kita perlu menghayati ajaran agama Islam sepenuhnya kerana itulah satu-satunya jalan untuk mencapai kesejahteraan dalam kehidupan manusia.

Kemakmuran yang pada asasnya bermula dari dalam diri individu akan berkembang untuk mewujudkan kesejahteraan dalam keluarga. Melalui tiga kaedah pendidikan asas iaitu pendidikan melalui teladan, pendidikan yang menekankan aspek kerohanian dan pendidikan tentang kedudukan dan kelangsungan bangsa, ibu bapa mampu menyumbang ke arah pembentukan sebuah tamadun bangsa.

Integriti merupakan suatu pakej nilai-nilai murni yang mulia yang terhasil dari kredibiliti dan kemuliaan kedua ibu bapa untuk menjamin kekuatan sesebuah institusi keluarga. Institusi keluarga yang dipimpin oleh ibu bapa mempunyai integriti yang tinggi sebagai asas pembentukan sebuah masyarakat. Masyarakat yang memiliki dan menguasai ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia merupakan elemen penting untuk membentuk sebuah tamadun bangsa.

Rujukan:

- Abdullah Nasih Ulwan, (1997). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, Jilid 2*, Syed Ahmad Semait (penterjemah) Singapura, Pustaka National.
- Awang Had Salleh, (1996). 'Masyarakat Melayu Dalam Pendidikan Dan Sosiobudaya', *Jurnal Pemikir*, Julai-September, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Leha @ Zaleha Muhamat, (2005). "Wanita: Model Ibu Mithali", Kertas Kerja Seminar Wanita Era Baru, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 26 Mac 2005.
- Maslow A., (1968). *Towards a Psychology of Being*, New Jersey: Princetown.
- Mohamed Anwar Omar Din, (ed.)(2004). *Dinamika Bangsa Melayu, Menongkah Arus Globalisasi* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Nik Azis Nik Pa, (2002). *Keluarga Berdaya Maju*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azis Nik Pa, (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din *et al.*, (1990). *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qardhawi, (1999). *Tamadun Islam: Alternatif masa Depan*, Ustaz Haji Juanda Haji Jaya (penterjemah), Selangor: Maktabah al-Qardhawi.